



LAPORAN KENAMPAKAN HILAL ZULQA'DAH 1425 HIJRI PADA 29 SYAWWAL 1425/12 DISEMBER 2004

- 1- Lokasi cerapan hilal Zulqa'dah 1425 di Bukit Jugra, Kuala Langat.
- 2- Berdasarkan kepada maklumat cerapan pada hari rukyah iaitu 29 Syawwal 1425 Hijri bersamaan 12 Disember 2004 Miladi, anak bulan telah berada di atas ufuk walaubagaimanapun ia tidak kelihatan disebabkan faktor cuaca dan formasi awan.
- 3- Mengikut hisab falak, anak bulan **telah menepati** justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

(a) Ketika matahari terbenam:-

- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

- (b) Ketika bulan terbenam, anak bulan tidak kurang daripada 8 jam

4- Antara faktor-faktor anak bulan telah menepati justifikasi Imkannur Rukyah ialah:-

i- Pada hari rukyah (29 Syawwal 1425 / 12 Disember 2004) ijtimak telah berlaku pada pukul 9.29 pagi.

ii- Bermula dari tempoh masa ijtimak (9.29 pagi) sehingga hilal terbenam (7.27 malam) umur bulan telah menjangkau 9j 58m, melebihi Imkannur Rukyah yang ditetapkan iaitu 8 jam.

5- Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada keesokan harinya iaitu 13/12/2004 (Isnin) adalah bersamaan dengan 01 Zulqa'dah 1425H.

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Selangor